

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 16 MEI 2016

KERATAN AKHBAR

38 Sinar Harian • Isnin 16 Mei 2016

HULU SELANGOR

HUBUNGI SKUAD HULU SELANGOR:
NURUL AINI MOHAMED ALI - 019-8680259 / 019-3371066

'Boleh operasi tapi bersyarat...'

Kerajaan negeri kenakan syarat untuk pengusaha ladang ternakan ayam, elak timbul isu pencemaran bau dan lalat

KERLING - Kerajaan negeri meluluskan pembinaan ladang ternakan ayam di Kerling dengan mengenakan syarat yang perlu dipatuhi pengusahanya bagi mengelakkan konflik dengan penduduk setempat.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata, syarat ketat dikenakan bagi mengelakkan masalah pencemaran bau dan lalat yang boleh membawa kepada bantahan penduduk.

Menurutnya, keputusan dibuat pada Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), baru-baru ini.

"Tapi, pengusaha mesti patuh syarat dikenakan iaitu jumlah ternakan ayam tidak melebihi 40,000 ekor atas tapak seluas 0.28 hektar.

"Syarikat terlibat juga mesti mematuhi syarat ditetapkan



KEE HIONG



Tapak cadangan pembinaan ladang ternakan ayam yang ditangguhkan Julai lalu, kini disambung semula selepas mendapat kelulusan MTES.

"Semua peraturan tertakluk kepada Seksyen 21 Akta 172 iaitu cadangan membina dua bangunan atau reban ternakan ayam tertutup dengan mematuhi syarat ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan MDHS," katanya.

Beliau berkata, projek membina reban terpaksa ditangguhkan Julai tahun lalu

berikutan konflik yang timbul dengan penduduk, namun kini ia diteruskan semula.

"Setakat ini, kita tidak lagi terima sebarang rungutan atau bantahan daripada penduduk dan seharusnya pengusaha la-

dang dapat mematuhi peraturan yang kita tetapkan.

"Malah, jarak antara reban ayam dengan kediaman penduduk juga mempunyai garis panduan tersendiri supaya tidak menyebabkan penyakit dan masalah kepada masyarakat sekitar," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya, MDHS juga perlu menyediakan inventori reban bagi menjalankan audit dan meneliti semula proses kelulusan serta mematuhi syarat pembangunan digariskan.

"Tindakan penguatkuasaan juga akan dibuat bersepadu dan berterusan bagi memastikan syarat pembangunan dipatuhi.

"Jabatan Veterinar juga diminta membantu MDHS memastikan pengusaha mematuhi syarat," katanya.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800